

# IMPAK PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) TERHADAP KESEJAHTERAAN KOMUNITI KAMPUNG PULAU GAYA, KOTA KINABALU, SABAH

(IMPACT OF MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) ON COMMUNITY WELL-BEING IN KAMPUNG PULAU GAYA, KOTA KINABALU, SABAH)

JETENDRA, M. H.<sup>1</sup> – YUSOH, M. P.<sup>1,2\*</sup> – MAPJABIL, J.<sup>2</sup> – NAZRY, N. F.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

<sup>2</sup> *Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

*\*Corresponding author  
e-mail: pirdaus[at]ums.edu.my*

(Received 31<sup>st</sup> August 2023; accepted 09<sup>th</sup> December 2023)

**Abstrak.** Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan bagi membendung penularan pandemik COVID-19. Akibat pelaksanaan itu, kesan yang ketara dialami oleh penduduk terutamanya komuniti pulau di Sabah disebabkan kejutan dan pengalaman yang baharu dalam menangani wabak penyakit pandemik. Kajian mengenai impak pelaksanaan PKP adalah suatu pengalaman yang baharu dalam Malaysia terutamanya kepada komuniti pulau. Sehingga hari ini, dokumentasi dalam penyelidikan sains sosial mengenainya masih kurang dan terhad. Untuk kajian yang meneliti implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan komuniti pulau. Kajian ini menggunakan pendekatan eksplorasi dan evaluatif, iaitu suatu usaha untuk mengeksplorasi respon kumpulan komuniti berkenaan dan sekali gus menilai impak yang dialami dalam menghadapi pandemik ini. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian kes iaitu di Kampung Pulau Gaya, Pulau Gaya di Kota Kinabalu, Sabah dengan penekanan terhadap deskripsi tentang fenomena dan tingkah laku. Hasil kajian menunjukkan bahawa implikasi Perintah Kawalan Pergerakan terhadap kesejahteraan Ekonomi iaitu impak terhadap peluang pekerjaan komuniti pulau sepanjang tempoh PKP merekodkan perubahan yang signifikan dalam nilai skor min iaitu 1.48 pada fasa PKP, 2.12 pada fasa PKPB dan meningkat kepada 3.72 pada fasa PKPB. Perintah Kawalan Pergerakan sememangnya menjejaskan peluang pekerjaan sehingga berlakunya pemberhentian kerja dan potongan gaji setiap bulan oleh majikan. Hasil kajian ini bermanfaat untuk perancangan dalam pengurusan risiko dalam menangani pandemik di Sabah khususnya dan Malaysia keseluruhannya.

**Katakunci:** *implikasi, perintah kawalan pergerakan, kesejahteraan, komuniti pulau, pandemik COVID-19*

**Abstract.** Malaysia has implemented the Movement Control Order (MCO) on 18 March 2020 followed by the Conditional Movement Control Order (CMCO) and the Restoration Movement Control Order (RMCO) to curb the spread of the COVID-19 pandemic. As a result of the implementation, a significant impact was experienced by the population, especially the island community in Sabah due to the shock and new experience in dealing with pandemic outbreaks. A study on the impact of the implementation of MCO is a new experience in Malaysia, especially to the island community. To this day, documentation in social science research on it is still scarce and limited. For this study that examines the implications of the Movement Control Order (MCO) on the well-being of the island community. This study uses an exploratory and evaluative approach, which is an effort to explore the response of the community group and thus evaluate the impact experienced in facing this pandemic. The study design used is a case study in Kampung Pulau Gaya, Pulau Gaya in Kota Kinabalu, Sabah with emphasis on descriptions of phenomena and behavior. The results showed that the implications of the Movement Control Order on Economic well-being, namely the impact on employment opportunities of the island community during the MCO period recorded a significant change in the mean score value of 1.48 in the PKP phase, 2.12 in

the CMCO phase and increased to 3.72 in the CMCO phase. The Movement Control Order does indeed affect employment opportunities until there are layoffs and monthly salary deductions by employers. The results of this study are useful for planning in risk management in dealing with pandemics in Sabah in particular and Malaysia as a whole.

**Keywords:** *implications, movement control order, well-being, island community, COVID-19 pandemic*

## **Pengenalan**

COVID-19 atau dikenali sebelumnya sebagai novel koronavirus-2019 merupakan wabak penyakit yang menular pada Disember tahun 2019 di Wuhan, China. Pada 11 Mac 2020, wabak ini diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO). Pandemik merujuk kepada wabak yang menyerang dalam skop yang lebih besar, tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata, mengancam kawasan yang lebih luas seperti negeri, negara, benua malah seluruh dunia (WHO, 2020). Penularan pandemik COVID-19 pada masa ini amat membimbangkan penduduk dunia disebabkan jangkitan tersebut mampu meragut nyawa terutamanya golongan berisiko tinggi seperti warga emas dan kanak-kanak. Jumlah jangkitan pada peringkat global yang berlaku akibat penularan pandemik COVID-19 mencatatkan sebanyak 58.7 juta kes yang menyebabkan kematian sebanyak 1.39 juta penduduk. Negara Amerika Syarikat mencatatkan nilai jangkitan tertinggi dunia iaitu 12.4 juta penduduk dan seramai 257 kematian (KKM, 2020).

Penularan wabak Pandemik COVID-19 di Malaysia mula dikesan pada 23 Januari 2020 disebabkan kemasukan warga China seramai lapan orang yang disahkan positif salah seorang warga tersebut COVID-19 dan dikuarantin. Peningkatan kes yang berlaku disebabkan jangkitan pandemik COVID-19 menyebabkan kerajaan Malaysia memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020. Kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia telah menyebabkan perubahan kepada tingkah laku dan gaya hidup masyarakat di negara ini (Lunkapis et al., 2020). Norma baharu yang berlaku secara drastik pada permulaan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia menyebabkan penduduk amat terkesan dari segi kesihatan mental dan fizikal, ekonomi dan sosial penduduk. Penutupan hampir semua aktiviti masyarakat seperti institusi pendidikan, perniagaan dan pelancongan memberi kejutan yang besar disebabkan pengalaman yang pertama bagi penduduk Malaysia mengalami wabak pandemik COVID-19 yang terbesar sepanjang abad ini. Pelaksanaan PKP di Malaysia mempunyai beberapa fasa termasuk Perintah Kawalan Pergerakan (PKPB), Perintah Kawalan Pemulihan (PKPP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang duwujudkan bagi memastikan penularan pandemik COVID-19 dapat dibendung di Malaysia.

## ***Konsep Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pelaksanaannya di Malaysia***

### ***Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)***

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merujuk kepada perintah pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempat Jangkitan) 2020 (Perintah PPPB) yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 16 Mac 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta PPPB 1988). Perintah Kawalan Pergerakan pertama kerajaan Malaysia merangkumi sekatan pergerakan dan perhimpunan di seluruh negara, sekatan perjalanan sepenuhnya untuk

semua rakyat Malaysia yang pergi keluar negara, sekatan pelawat asing dan pelancong ke Malaysia, penutupan semua tadika, sekolah awam dan swasta, penutupan semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta, serta penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dalam perkhidmatan penting (JPM, 2020a). Kaedah sekatan pergerakan adalah dilihat sebagai suatu pendekatan yang terbaik untuk mengawal dan mengurangkan penyebaran rangkaian wabak berjangkit seperti pandemik COVID-19 (Chinazzi et al., 2020; Wilder-Smith dan Freedman, 2020). Sepanjang pelaksanaan PKP bagi fasa pertama dikuatkuasakan, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan sekatan jalan raya di seluruh negara untuk memastikan dan memberi amaran kepada rakyat Malaysia agar terus berada di rumah dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan (Zain, 2020). Mulai 22 Mac 2020, pasukan tentera Malaysia telah digerakkan untuk membantu PDRM bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dalam usaha membendung penularan COVID-19 (Bernama Web Portal, 2020).

### ***Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)***

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah kesinambungan daripada empat fasa PKP sebelumnya yang bermula dari 4 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020. Pihak kerajaan telah melaksanakan PKPB bagi memberi kelonggaran kepada kebanyakan aktiviti yang tidak dibenarkan beroperasi semasa tempoh PKP. Namun, begitu kelonggaran yang diberikan oleh pihak kerajaan ini masih tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa sepanjang tempoh beroperasi. Dalam tempoh PKPB ini, terdapat dua fasa telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan iaitu fasa kelima yang bermula daripada 4 Mei 2020 sehingga 12 Mei 2020 dan fasa yang keenam yang bermula dari 13 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020. Kegiatan yang dilarang semasa PKPB adalah seperti aktiviti hiburan, riadah, rekreasi, keagamaan, budaya, perayaan dan perniagaan yang boleh menyebabkan kepada perkumpulan besar serta aktiviti di kawasan tempat tinggal pekerja dan asrama pekerja yang boleh mengundang kepada perhimpunan orang ramai serta pemasangan dan penyelenggaraan aktiviti mesin seperti lif dan eskalator atau menara kren di tapak pembinaan yang boleh mengundang kepada perhimpunan besar (Lim, 2020).

### ***Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)***

Terdapat dua fasa yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) iaitu fasa ketujuh yang bermula pada 10 Jun sehingga 31 Ogos 2020 dan fasa kelapan yang bermula pada 1 September 2020 sehingga 31 Disember 2020. Selama tempoh pelaksanaan PKPP fasa ketujuh, lebih banyak larangan yang dilaksanakan sebelum ini telah dilonggarkan untuk membolehkan orang ramai menjalankan aktiviti harian mereka seperti operasi perniagaan, aktiviti riadah, sukan dan aktiviti rekreasi, pembukaan sekolah secara berperingkat, salon rambut, pasar terbuka serta perayaan Hari Raya Aidiladha dan aktiviti qurban dengan syarat mematuhi SOP yang ditetapkan (Povera dan Chan, 2020). Pihak kerajaan telah melaksanakan PKPP Fasa kelapan dengan memberikan kelonggaran yang lebih banyak terutama kepada industri perniagaan seperti sektor pertanian dan komoditi tanaman, pusat membeli-belah, gerai, perniagaan kecil, restoran, penggambaran dan produksi, pengangkutan awam dan persendirian, serta gimnasium. Perniagaan yang melibatkan kehadiran pelanggan di premis perniagaan hendaklah mematuhi SOP dengan

mengambil suhu badan dan maklumat berkaitan sebelum memasuki premis serta melakukan sanitasi sekurang-kurangnya tiga kali dalam sehari (Chin, 2020) (*Jadual 1*).

**Jadual 1.** Fasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia.

Kategori	Fasa	Tempoh pelaksanaan
Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	1	18 Mac – 31 Mac 2020
	2	1 April – 14 April 2020
	3	15 April – 28 April 2020
	4	29 April – 12 Mei 2020
Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)	5	13 Mei – 9 Jun 2020
Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	7	10 Jun – 31 Ogos 2020
	8	1 Sept – 31 Disember 2020
Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)	Penguatkuasaan hanya terpakai di lokasi tertentu disebabkan pengesanan kluster dengan jumlah yang banyak berkaut kuasa pada 27 Mac 2020. Contohnya di Simpang Renggam dan Hulu Langat.	

*Sumber: Mapjabil et al. (2020).*

### **Sorotan literatur tentang kajian COVID-19 di Malaysia**

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia bermula 18 Mac 2020 dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia bagi mencegah penularan wabak ini yang dibimbangi menjangkiti lebih ramai rakyat. Kanyo et al. (2020) dalam kajian tinjauan mengenai strategi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menghadapi COVID-19 di Malaysia dan peranan Majlis Keselamatan Negera (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perintah kawalan ini dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 dan Akta Polis 1967. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada awalnya menyebabkan semua aktiviti sosial, budaya, perniagaan kecil dan seerhana, sukan dan keagamaan yang melibatkan perhimpunan ramai dilarang sama sekali oleh kerajaan. Dalam kajian memfokuskan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengikut fasa iaitu daripada fasa pertama sehingga fasa ketujuh. Lunkapis et al. (2020) dalam kajian potensi aplikasi penilaian impak sosial bagi menilai dasar dan program kerajaan semasa pandemik COVID-19 menekankan bahawa pelaksanaan dasar dan program oleh pihak kerajaan seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP, PKPP dan PKPD) terhadap masyarakat di Malaysia sememangnya penting dalam membendung penularan COVID-19 daripada terus merebak dalam kalangan masyarakat. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Badariah et. al, (2020) yang menjelaskan bahawa PKP membantu dalam mengurangkan kadar peningkatan wabak COVID-19 iaitu dengan cara rakyat perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan dengan sentiasa menjaga kesihatan dan keselamatan diri. Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha kerajaan dalam membendung penularan wabak ini jelas menunjukkan bahawa keprihatinan kerajaan dalam memastikan kehidupan rakyat sentiasa terjamin dengan memberi pelbagai bantuan seperti kewangan, barang keperluan, makanan, perkhidmatan dan sebagainya.

Impak yang berlaku akibat pandemik COVID-19 ini adalah kemurungan dan trauma. Pelaksanaan PKP yang menyebabkan aktiviti sosial, agama, perniagaan kecil dan sederhana terhenti. Sepanjang tempoh tersebut penduduk hanya duduk diam di rumah menyebabkan tidak produktif. Ini mendorong kepada meningkatkan rasa tertekan,


kecewa dan bimbang dalam kalangan penduduk pulau. Kehilangan pekerjaan dan kemiskinan yang dihadapi menyebabkan berlakunya tekanan (stress) dan keadaan ini akan membawa kepada masalah kesihatan mental seperti kemurungan, keresahan dan lebih teruk akan membawa kepada berlakunya kecelaruan bipolar dan skizofenia (Ali dan Rashid, 2020). Mapjabil et al. (2020) dalam tinjauan literatur mengenai implikasi PKP kesan penularan pandemik COVID-19 terhadap kesejahteraan komuniti pulau menjelaskan tiga implikasi iaitu kesihatan, ekonomi dan sosial. Dalam impak kesihatan yang dialami penduduk akibat pandemik COVID-19 menjelaskan ketidakupayaan komuniti dalam mengambil ubat dan rawatan di hospital. Tahap kemurungan turut berlaku disebabkan komuniti pulau tersebut terasing dari tanah besar dan sekatan akses perjalanan yang hanya menggunakan bot sebagai pengangkutan utama. Ditambah pula akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) komuniti pulau menyebabkan kehilangan pekerjaan yang memberi kesan terhadap pendapatan seisi keluarga. Hal ini turut disokong dalam kajian Ali dan Rashid (2020) yang mendapati kehilangan pekerjaan yang dihadapi menyebabkan berlakunya tekanan sehingga membawa kepada masalah kesihatan mental. Dalam tinjauan impak sosial yang dilihat bahawa pengurangan aktiviti sosial yang diberhentikan menyebabkan kurangnya pergaulan di antara komuniti. Konsep kesejahteraan juga membawa maksud yang pelbagai mengikut konteks. Mahali et al. (2018) menjelaskan bahawa pengukuran kesejahteraan hidup sesebuah bangsa dilihat sebagai suatu yang tidak mutlak. Mapjabil et al. (2020) mengaitkan konsep kesejahteraan dengan aspek kesejahteraan sosial. Konsep kesejahteraan juga dilihat melalui sifat materialistik yang dilihat melalui pancaindera manusia melalui pembangunan yang pesat merupakan petunjuk aspek kesejahteraan dalam komuniti.

Komuniti pulau merupakan penduduk yang mendiami pulau-pulau kecil terasing daripada tanah besar (Mapjabil et al., 2020). Ibrahim (2002) dalam kajian transformasi sektor ekonomi komuniti nelayan tradisi menjelaskan bahawa komuniti pulau yang membangun hasil daripada tempas daripada proses pembangunan pelancongan di sesebuah pulau tersebut. komuniti pulau pada masa ini merupakan komuniti yang masih mundur berbanding komuniti lain. Ekonomi utama yang dijalankan hanya berfokus kepada perikanan, pertanian dan pelancongan yang merupakan tunjang kepada pembangunan infrastruktur kawaasan pulau tersebut. Kelemahan dalam memajukan komuniti pulau sering dikaitkan dengan faktor jarak dari tanah besar, saiz yang kecil, bilangan penduduk yang sedikit, struktur sosioekonomi yang terhad dan lokasi terpencil. Dalam membangunkan komuniti pulau, Mapjabil et al. (2014) menegaskan bahawa pembangunan berkait rapat dengan kemampuan dalam aspek pendidikan, pendedahan, perenggu minda, komitmen dan sokongan daripada pelbagai pihak dalam mewujudkan transformasi komuniti pulau.

## **Instrumen dan Metod Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan eksplorasi dan evaluatif. Hal ini sejajar dengan isu penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia dan pengalaman baharu bagi penduduk di Malaysia. Pelaksanaan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negara ini bermula pada 18 Mac 2020 dan berlarutan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Disember 2020. Dalam tempoh ini, tidak banyak kajian dilakukan dalam bidang sains sosial dan fasa penyelidikan adalah sedang berlangsung pada hari ini. Justeru, kajian terhadap impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan komuniti pulau ini adalah suatu

usaha untuk mengeksplorasi respon kumpulan komuniti berkenaan dan sekali gus menilai sama ada mereka terjejas dari segi kesihatan, ekonomi dan sosial sepanjang pandemik ini. Kajian ini dijalankan pada 10 hingga 13 September 2020. Pulau Gaya terletak berdekatan dengan bandaraya Kota Kinabalu. Keluasan pulau ini adalah 1,465 hektar dan dihuni oleh lebih daripada 10,000 orang. Pengangkutan utama ke pulau ini adalah bot penambang. Perjalanan menggunakan bot ini mengambil masa sekitar 10 minit sahaja. Majoriti penduduk pulau bekerja sebagai nelayan, bekerja sendiri (sektor tak formal) dan pelbagai sektor perkhidmatan (pasar, restoran, supermarket dan sebagainya) di Kota Kinabalu. Kampung Pulau Gaya adalah salah satu kampung yang terdapat di Pulau Gaya. Kampung lain ialah Kampung Kasuapan (Pasir Putih), Kampung Pondo, Kampung Lok Urai dan Kampung Lok Malom (*Rajah 1*).



*Rajah 1. Kedudukan kampong kasuapan di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah.*

## Dapatan dan Perbincangan Kajian

Bahagian ini membincangkan hasil kajian tentang penelitian terhadap impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan komuniti pulau di Kampung Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah.

### *Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan komuniti pulau di Kampung Pulau Gaya*

Bahagian ini meneliti tentang implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan komuniti pulau di Kampung Pulau Gaya, Pulau Gaya. Jawapan responden adalah berdasarkan skala perbezaan semantik yang dikemukakan oleh Chua (2011) iaitu lima mata iaitu tidak setuju (1), kurang setuju (2), sederhana (3), setuju (4), dan sangat setuju (5). Kesemua skala perbezaan semantik ini dirujuk kepada tafsiran

skor min yang dirujuk oleh Baba (2010) iaitu SR ‘sangat rendah’ (1.00-1.80), R ‘rendah’ (1.81-2.60), S ‘sederhana’ (2.61-3.40), T ‘tinggi’ (3.41-4.20), ST ‘sangat tinggi’ (4.21-5.00).

**Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan kesihatan**


Jadual 2 menunjukkan tahap implikasi dari aspek kesihatan terhadap responden sebagai komuniti dalam dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang diukur menggunakan analisis tafsiran skor min. Sepanjang tempoh PKP tahap implikasi yang mencatatkan skor skala ‘tinggi’ iaitu sebanyak 3.71. Majoriti berpendapat bahawa sepanjang PKP risiko untuk mendapat penyakit tinggi disebabkan kurangnya menjalankan aktiviti senaman dan amalan pemakanan yang tidak teratur. Manakala bagi empat pernyataan lain menunjukkan skor skala ‘rendah’ iaitu tahap prosedur mengambil ubat 1.89, temu janji rawatan berkala 2.30, tahap kemurungan dan gangguan emosi 2.43 dan berat badan penduduk pulau 2.10. Seterusnya ialah tahap implikasi komuniti sepanjang tempoh PKPB yang merekodkan skala skor ‘tinggi’ iaitu risiko menghadapi penyakit 3.71. Manakala empat pernyataan lain menunjukkan skala skor ‘sederhana’ iaitu prosedur untuk mengambil ubat bagi penduduk pulau 2.94, temu janji rawatan kesihatan berkala yang dijalankan penduduk 3.01, tahap kemurungan dan gangguan emosi penduduk pulau 3.14 dan berat badan penduduk pulau 2.54. Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) menunjukkan sebanyak empat pernyataan yang mencatatkan nilai skala skor ‘tinggi’ iaitu prosedur untuk mengambil ubat bagi penduduk pulau 3.99, temu janji rawatan kesihatan berkala yang dijalankan bagi penduduk pulau 3.98, tahap kemurungan dan gangguan emosi penduduk pulau 3.94 dan risiko menghadapi penyakit bagi penduduk pulau 3.90. Nilai skala ‘sederhana’ iaitu sepanjang tempoh PKPP iaitu berat badan penduduk pulau dengan nilai sebanyak 2.93.

*Jadual 2. Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan kesihatan (mengikut skor min).*

Pernyataan	Nilai skor min					
	PKP	Tahap	PKPB	Tahap	PKPP	Tahap
Prosedur untuk menagmbil ubat bagi penduduk pulau.	1.89	R	2.94	S	3.99	T
Temu janji rawatan kesihatan berkala yang dijalankan bagi penduduk pulau.	2.30	R	3.01	S	3.98	T
Tahap kemurungan dan gangguan emosi penduduk pulau.	2.43	R	3.14	S	3.94	T
Berat badan penduduk pulau.	2.10	R	2.54	S	2.93	S
Risiko menghadapi penyakit penduduk pulau.	3.71	T	3.84	T	3.90	T

Rajah 2 menunjukkan implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan komuniti pulau yang diukur menggunakan analisis skor min dan diterjemahkan dalam graf skala perbezaan semantik. Kajian ini mendapati bahawa impak yang paling ketara dalam kesejahteraan kesihatan adalah tahap prosedur untuk mengambil ubat sepanjang tempoh PKP di hospital dan klinik. Pada awalnya komuniti pulau merasa kesukaran akibat kurang pendedahan dalam mengetahui prosedur bagi komuniti pulau untuk mengambil ubat. Tetapi setelah di fasa PKPB prosedur yang digunakan oleh pihak hospital dan klinik semakin mudah. Bagi temu janji rawatan kesihatan sepanjang tempoh PKP menunjukkan perubahan yang signifikan dalam kajian ini. Hal ini kerana wujudnya saling kaitan di antara kedua-dua impak iaitu prosedur mengambil ubat dan rawatan kesihatan yang dilaksanahn oleh pihak hospital dan klinik.

Terdapat empat kaedah yang boleh digunakan bagi membantu komuniti dalam berurusan dengan pihak kesihatan iaitu melalui pos laju, pandu lalu, locker4u dan sistem temu janji (Muzamir, 2020). Seterusnya ialah impak terhadap tahap kemurungan dan gangguan emosi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menunjukkan perubahan yang signifikan sepanjang fasa PKP, PKPB dan PKPP. Hal ini disebabkan pada awalnya kerajaan telah mengishtiarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menutup semua premis dan perusahaan kecil dan sederhana dan menyeru rakyat untuk berkurung di rumah. Keadaan ini telah memberi pengalaman yang teruk sehingga menyebabkan trauma yang dahsyat. Keadaan ini beransur pulih setelah masuk fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) disebabkan kelonggaran sedikit bagi peraturan dalam mencegah penularan pandemik COVID-19. Keterbatasan akibat sekatan ini telah mewujudkan suasana yang mendorong tekanan, keresahan dan kemurungan terhadap masyarakat di negara ini secara lebih meluas merentasi kumpulan yang berisiko dalam keadaan biasa (Ali dan Rashid, 2020).



**Rajah 2.** Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan kesihatan (mengikut graf semantik).

Impak terhadap berat badan komuniti pulau sepanjang tempoh PKP menunjukkan perubahan bagi setiap fasa dalam tempoh mencegah pandemik COVID-19. Talha (2020), menegaskan bahawa obesiti semakin meningkat dalam kalangan rakyat Malaysia sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan gaya pemakanan yang tidak dijaga. Kejadian ini turut berlaku kepada responden di Kampung Pulau Gaya, Pulau Gaya. Pada awalnya berlaku kenaikan berat badan yang ketara disebabkan amalan aktiviti luar rumah yang tergendala. Bagi risiko menghadapi penyakit sepanjang fasa PKP, menunjukkan bahawa majoriti responden tidak mengalami penyakit baharu lain disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Malaysia menyebabkan penduduk berkurung di rumah bagi membendung wabak pandemik COVID-19.

### **Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan ekonomi**

Jadual 3 menunjukkan tahap implikasi dari aspek ekonomi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pada fasa pertama, Penjanaan aktiviti ekonomi




alternatif atau sampingan sepanjang tempoh PKP mempunyai nilai skor ‘tinggi’ dengan nilai 3.71. Harga barang runcit di pulau sepanjang tempoh PKP menunjukkan skor skala pada tahap ‘rendah’ iaitu sebanyak 2.38. Manakala, tiga pernyataan lain menunjukkan skala skor ‘sangat rendah’ iaitu perbelanjaan seisi keluarga sepanjang tempoh PKP 1.75, pendapatan seisi keluarga sepanjang tempoh PKP 1.49 dan yang terakhir peluang melakukan pekerjaan penduduk pulau sepanjang tempoh PKP dengan nilai yang paling rendah iaitu 1.48. Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKPB) menunjukkan skala skor ‘Sederhana’ yang tertinggi dalam PKPB iaitu penjanaaan aktiviti ekonomi alternatif/sampingan sepanjang tempoh PKP 3.28 dan harga barang runcit di pulau sepanjang tempoh PKP 2.83. Tiga pernyataan mempunyai skala skor ‘Rendah’ iaitu perbelanjaan seisi keluarga sepanjang tempoh PKP 2.19, peluang melakukan pekerjaan penduduk pulau sepanjang tempoh PKP 2.12 dan pendapatan seisi keluarga sepanjang tempoh PKP 1.85. Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) menunjukkan skala skor ‘Tinggi’ iaitu sebanyak 3.72 dalam peluang melakukan pekerjaan penduduk pulau sepanjang tempoh PKPP. Manakala, empat pernyataan lain menunjukkan skala skor ‘Sederhana’ iaitu harga barang runcit di pulau sepanjang tempoh PKPP 3.35, penjanaaan aktiviti ekonomi alternatif atau sampingan sepanjang tempoh PKPP 3.30, pendapatan seisi keluarga sepanjang tempoh PKPP 3.23 dan perbelanjaan seisi keluarga sepanjang tempoh PKPP 2.88.

**Jadual 3.** *Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan ekonomi (mengikut skor min).*

Pernyataan	Nilai skor min					
	PKP	Tahap	PKPB	Tahap	PKPP	Tahap
Harga barang runcit di pulau sepanjang tempoh PKP.	2.38	R	2.83	S	3.35	S
Perbelanjaan seisi keluarga sepanjang tempoh PKP.	1.75	SR	2.19	R	2.88	S
Pendapatan seisi keluarga sepanjang tempoh PKP.	1.49	SR	1.85	R	3.23	S
Peluang melakukan pekerjaan penduduk pulau sepanjang tempoh PKP.	1.48	SR	2.12	R	3.72	T
Penjanaaan aktiviti ekonomi alternatif atau sampingan sepanjang tempoh PKP.	3.06	S	3.28	S	3.30	S

*Rajah 3* menunjukkan implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan komuniti pulau dalam aspek ekonomi yang diukur menggunakan analisis skor min dan diterjemahkan dalam graf skala perbezaan semantik. Hasil kajian tersebut mendapati impak yang paling ketara dialami dalam kesejahteraan ekonomi iaitu peluang melakukan pekerjaan bagi penduduk pulau sepanjang tempoh PKP. Majoriti lelaki di Kampung Pulau Gaya berkerja sebagai nelayan dan wanita sebagai suri rumah keluarga. Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan menyebabkan kerjaya sebagai nelayan diberhentikan buat sementara waktu dan menyebabkan pendapatan mereka terjejas. Ditambah lagi dengan industri perusahaan bot penambang yang dijalankan sebagai kerjaya utama selain nelayan turut terjejas disebabkan oleh kekurangan pelanggan iaitu penduduk yang berulang-alik dari Kota Kinabalu ke Pulau Gaya. Keadaan ini turut sama berlaku di pulau Redang Terengganu iaitu sebanyak 80 Peratus penduduk di pulau tersebut kehilangan pekerjaan (Zulkufli, 2020). Peningkatan harga barang dalam kalangan komuniti berlaku disebabkan kenaikan harga bot penambang sepanjang tempoh PKP iaitu sebanyak RM3.00 berbanding sebelum Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan iaitu sebanyak RM2.00. Ditambah pula, pengusaha kedai runcit yang mempunyai masalah keupayaan tenaga buruh disebabkan hanya seorang sahaja dibenarkan keluar membeli barang pada fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). JPM (2020b) menjelaskan bahawa peruncit berskala kecil di Malaysia

mengalami kesan akibat PKP dalam tempoh tempoh dua bulan pertama. Kenaikan harga barang memberi tekanan kepada seisi keluarga terutamanya keluarga yang ramai. Perbelanjaan yang tinggi berlaku akibat kenaikan harga barang yang berlaku sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ketiadaan pendapatan utama bagi menampung perbelanjaan seisi keluarga menyebabkan kebergantungan kepada jiran dan segelintir terpaksa berhutang bagi menampung perbelanjaan makanan bulanan.



**Rajah 3.** Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan kesihatan (mengikut graf semantik).

Pada awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan telah menyebabkan keseluruhan responden tidak dapat bekerja dan diberhentikan kerja dan ianya berubah pada fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat disebabkan wujudnya kelonggaran bagi memberi sedikit kelonggaran kepada golongan yang menjalankan ‘Essential Services’ dan pada fasa Perintah Kawalan Pergerakan pemulihan berlakunya perubahan yang baik iaitu majoriti responden berpeluang melakukan pekerjaan yang dilakukan sebelum ini. Kanyo et al. (2020) menyatakan bahawa terdapat 7 fasa dalam negara Malaysia di mana fasa satu sehingga empat terdiri dalam PKP, fasa 5 termasuk dalam PKPB dan fasa 6 dan 7 termasuk dalam PKPP iaitu fasa semua sektor ekonomi dalam negara Malaysia bagi memberi peluang penduduk menjana pendapatan semula.

**Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan sosial**

Jadual 4 menunjukkan tahap implikasi dari aspek Sosial terhadap responden sebagai komuniti dalam dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang diukur menggunakan analisis tafsiran skor min. Sepanjang tempoh PKP tahap implikasi yang mencatatkan skala skor ‘Sangat tinggi’ iaitu sebanyak 4.59 implikasi terhadap penggunaan komunikasi digital dan media sosial sepanjang tempoh PKP. Diikuti dengan skor min 4.50 ‘Sangat tinggi’ bagi implikasi terhadap ikatan hubungan silaturahmi di antara keluarga sepanjang tempoh PKP. Bagi kes jenayah di pulau sepanjang tempoh PKP menunjukkan skala skor ‘Tinggi’ iaitu dengan 3.58. Masalah pembuangan sampah dan tahap pengurusan di pulau sepanjang tempoh PKP mencatatkan nilai ‘Sederhana’ dengan skor 2.72 dan menunjukkan tahap yang terendah. Bagi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) menunjukkan implikasi


ikatan hubungan silaturahmi di antara keluarga dan jiran sepanjang tempoh PKP iaitu dengan nilai skor min 4.50 pada skala skor ‘Sangat tinggi’ diikuti implikasi penggunaan komunikasi digital dan media sosial dalam tempoh PKPB iaitu 4.40. Seterusnya ialah pada tahap skala skor ‘Tinggi’ dengan nilai skor min 3.70 mewakili tahap berlaku kes jenayah di pulau sepanjang tempoh PKPB. Masalah pembuangan sampah dan tahap pengurusan di pulau sepanjang tempoh PKPB mencatatkan nilai skor min 2.90 pada skala skor ‘Sederhana’. Akhir sekali iaitu nilai terendah pada penganjuran sosial dalam komuniti pulau sepanjang tempoh PKP 1.98 iaitu pada tahap ‘Rendah’. Manakala, tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ikatan hubungan silaturahmi di antara keluarga dan jiran sepanjang tempo PKP mencatat nilai skor 4.53 pada tahap ‘Sangat Tinggi’. Seterusnya penggunaan komunikasi digital dan media sosial dalam tempoh PKP mencatatkan nilai skor min 4.10 padaskala skor tahap ‘Sederhana’. Manakala, bagi tahap berlaku kes jenayah di pulau sepanjang PKPP 3.40, masalah pembuangan sampah dan tahap pengurusan di pulau sepanjang PKPP 3.27 dan penganjuran aktiviti sosial dalam komuniti pulau sepanjang tempoh PKP 3.15 masing-masing mencatatkan skala skor pada tahap ‘Sederhana’.

**Jadual 4.** Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan sosial (mengikut skor min).

Pernyataan	Nilai skor min					
	PKP	Tahap	PKPB	Tahap	PKPP	Tahap
Ikatan hubungan silaturahmi di antara keluarga dan jiran sepanjang tempoh PKP.	4.50	ST	4.50	ST	4.53	ST
Masalah pembuangan sampah dan tahap pengurusan di pulau sepanjang tempoh PKP.	2.72	S	2.90	S	3.27	S
Tahap berlaku kes jenayah di pulau sepanjang tempoh PKP.	3.58	T	3.70	T	3.40	S
Penggunaan komunikasi digital dan media sosial dalam tempoh PKP.	4.59	ST	4.40	ST	4.10	T
Penganjuran aktiviti sosial dalam komuniti pulau sepanjang tempoh PKP.	1.32	SR	1.98	R	3.15	S

*Rajah 4* menunjukkan implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan komuniti pulau dalam aspek ekonomi yang diukur menggunakan analisis skor min dan diterjemahkan dalam graf skala perbezaan semantik. Hasil kajian mendapati bahawa impak yang ketara dalam kesejahteraan sosial dalam komuniti kampung Pulau Gaya ialah penganjuran aktiviti sosial sepanjang tempoh PKP. Awal fasa pelaksanaan iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mendapati hampir semua penganjuran aktiviti sosial melibatkan orang ramai dihentikan dan ditutup serta merta oleh kerajaan Malaysia. Hal ini disebabkan bagi membendung penularan pada fasa yang pertama bagi mencegah pandemik COVID-19. Pada fasa PKP aktiviti sosial yang dijalankan terhad dan majoriti responen bersetuju untuk tidak menjalankan aktiviti sosial pada fasa PKP. Hal ini kerana terdapat arahan larangan daripada pihak kerajaan untuk tidak melakukan sebarang aktiviti sosial sepanjang tempoh PKP. Bukan itu sahaja, penduduk pulau juga berasa takut dan mengambil langkah berjaga-jaga kerana bimbang sekiranya berlaku jangkitan lebih-lebih lagi apabila wabak COVID-19 merupakan wabak yang masih baharu menyerang umat manusia dan masih tidak ditemui penawarnya sehingga ke hari ini. Namun begitu terdapat sedikit perubahan aktiviti sosial penduduk pulau semasa PKPP berbanding PKP. Hal ini kerana berikutan pengurangan peningkatan kes harian, pihak kerajaan telah bersetuju untuk memberi kelonggaran yang membolehkan pelaksanaan aktiviti sosial tetapi harus mematuhi norma baharu yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Langkah kawalan ketat dalam

menganjurkan aktiviti sosial pada fasa PKPP oleh penganjur sangat dititikberatkan bagi mengelak sebarang penularan COVID-19 berlaku.



**Rajah 4.** Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan sosial (mengikut graf semantik).

Dalam mengukur kesejahteraan komuniti pulau di kampung Pulau Gaya, aspek masalah pembuangan sampah dan tahap pengurusan di pulau sepanjang tempoh PKP perlu di beri penekanan. Hal ini disebabkan di kawasan komuniti tersebut tidak mempunyai organisasi yang mengurus sampah disebabkan kampung Pulau Gaya berada di pulau dan belum digazetkan menjadi Perkampungan oleh Bandaraya Kota Kinabalu disebabkan kawasan tersebut terletak dalam Taman Laut Tungku Abdul Rahman. Pada awalnya komuniti tersebut tidak menjalankan aktiviti gotong-royong yang menyebabkan lambakan sampah-sarap yang berkumpul di pesisir pantai yang asalnya dari Bandaraya Kota Kinabalu yang dihanyutkan oleh air pasang-surut dan sampah hasil daripada komuniti Pulau Gaya. Namun, disebabkan kelonggaran pada fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) memudahkan komuniti tersebut membersihkan sampah sarap dengan menimbus sampah sarap dan dibakar. Oleh yang demikian, sampah sarap di kampung Pulau Gaya dapat dikurangkan. Ikatan hubungan silaturahmi di antara keluarga dan jiran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan tidak menunjukkan perubahan dalam tiga fasa yang berlaku dalam Malaysia. Pengukuhan dalam menjalinkan kasih sayang di antara satu sama lain meningkatkan silaturahmi sekaligus memberi semangat kepada seisi keluarga dan jiran dalam mencegah penularan wabak pandemik COVID-19. Ini sejajar dalam tinjauan literatur yang dijalankan oleh Mapjabil et al. (2020) menyatakan bahawa dengan slogan ‘Kita Jaga Kita’ yang diaspirasikan oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu Tan Sri Muhyiddin bin Yasin memberi dorongan kepada setiap ahli keluarga dalam menjada kesihatan dan keselamatan.

Penggunaan komunikasi digital dan media sosial dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilihat semakin meningkat berterusan dalam fasa tersebut. Aspek teknologi komunikasi secara maya dilihat telah digunakan sepenuhnya bagi menggantikan komunikasi secara bersemuka. Sebagai contohnya, aplikasi Whatsapp, Telegram, Twitter bagi mendapatkan maklumat mengenai isu semasa yang berlaku dalam dan luar negara. Perkhidmatan e-dagang yang dijalankan oleh peniaga-peniaga

tempatan yang terkesan juga berpeluang berniaga dan berupaya menjana pendapatan sampingan. Ditambah pula, dengan bantuan internet percuma iaitu satu gigabyte sehari kepada seluruh warga Malaysia meningkatkan keupayaan penggunaan komunikasi digital. Bagi kes jenayah di pulau sepanjang tempoh PKP yang berlaku di kampung Pulau Gaya, Pulau Gaya menunjukkan penurunan pada fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini dibuktikan dengan statistik jenayah yang dilaporkan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador menyatakan bahawa kes di seluruh negara menurun susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan kerajaan untuk mengekang penularan COVID-19 (Mokhtar dan Fuad, 2020). Akan tetapi pada fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) menunjukkan peningkatan kes yang disebabkan kelonggaran kawalan yang membolehkan penjenayah menjalankan kegiatan haram semula.

### ***Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan cadangan***

Hasil kajian terhadap implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesejahteraan komuniti pulau adalah relevan dalam mempengaruhi kesejahteraan komuniti pulau yang dikaitkan dalam aspek kesihatan, ekonomi dan sosial. Pelaksanaan PKP pada Mac 18 Mac 2020 telah mengubah secara langsung gaya hidup masyarakat dalam menjalankan aktiviti seharian. Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan oleh kerajaan bertujuan bagi membendung penularan pandemik COVID-19 pada tahun 2020 masih berada pada tahap yang kritikal. Namun disebalik pelaksanaan PKP telah memberi impak kepada golongan B40 terdiri daripada golongan miskin yang tidak mempunyai simpanan kewangan yang mencukupi dalam jangka yang panjang untuk menampung perbelanjaan harian sepanjang berlakunya krisis global COVID-19. Kajian ini mendapati Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan terhadap kesejahteraan kesihatan menunjukkan bahawa perubahan yang dialami oleh penduduk sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) berada pada tahap yang baik. Dari segi kesejahteraan ekonomi turut menunjukkan perubahan yang berada pada tahap yang baik. Namun begitu, bagi aspek kesejahteraan sosial iaitu tahap berlakunya kes jenayah sepanjang tempoh PKP menunjukkan keadaan yang agak membimbangkan iaitu berlakunya peningkatan kes jenayah di kampung Pulau Gaya dari PKP kepada PKPP. Keadaan ini disebabkan berlakunya kes kecurian seperti kecurian gas. Selain itu, wujudnya khabar angin berkenaan isu penculikan yang juga dikenali oleh penduduk pulau dengan istilah 'pengait'. Walaupun isu ini belum mendapat kesahihannya tetapi ia amat membimbangkan penduduk pulau kerana terdapat beberapa insiden yang melibatkan beberapa penduduk pulau dikejar oleh beberapa lelaki yang tidak dikenali dan ada diantara penduduk pulau yang melihat lelaki tidak dikenali berkeliaran. Walaupun begitu, pihak polis sendiri menafikan keadaan ini dan memaklumkan kepada pengkaji bahawa kawasan pulau masih selamat daripada isu pengait ini dan pihak polis sentiasa membuat pantauan dan kawalan keselamatan di pulau pada setiap masa.

Kampung Pulau Gaya, Pulau Gaya merupakan komuniti yang sememangnya terjejas disebabkan penularan wabak COVID-19 semakin tinggi. Kehilangan pendapatan disebabkan ketiadaan pekerjaan serta potongan gaji bagi yang kerja dalam sektor swasta menyebabkan tekanan dalam menguruskan perbelanjaan isi rumah. Ditambah pula, perusahaan kecil dan sederhana yang diusahakan seperti perusahaan ikan kering, kraftangan dan makanan tradisional turut terjejas. Mapjabil et al. (2020) menyatakan bahawa peniaga runcit terpaksa menaikkan harga barangan untuk mengaut sedikit

keuntungan dan sebagai modal pusingan untuk membeli barangan runcit. Bukan itu sahaja, peningkatan harga barang runcit meningkatkan perbelanjaan seisi keluarga sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). JPM (2020b) melaporkan bahawa perbelanjaan makanan dan minuman meningkat sebanyak dua puluh tujuh peratus iaitu dari empat puluh empat peratus kepada lapan belas peratus. Bantuan Prihatin Nasional adalah salah satu bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (JPM, 2020a). Bantuan ini diberikan kepada penduduk mengikut kadar tertentu bergantung kepada status sosial mereka. Bantuan disalurkan kepada rakyat secara berperingkat seperti yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Sehingga November 2020, Bantuan Prihatin Nasional telah disalurkan sebanyak dua kali kepada rakyat di negara ini. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin berkata bahawa BPN 2.0 adalah salah satu bantuan tambahan yang disediakan oleh kerajaan kepada golongan B40 dan M40 untuk meringankan beban rakyat akibat kesan pandemik COVID-19 (Nurizzati, 2021). Bantuan makanan yang disalurkan kepada rakyat kebiasaannya berupa keperluan asas harian seperti beras, gula, tepung, minyak dan sebagainya. Namun, bantuan ini diberi secara 'one-off'. Pada masa yang sama, pihak kerajaan perlu meningkatkan lagi kempen jimat berbelanja dan amalan menabung dalam kalangan rakyat. Hal ini penting bagi memastikan rakyat sentiasa bersedia sekiranya berlaku perkara luar jangka seperti ini, Namun begitu, amalan menabung haruslah diterapkan dalam diri setiap individu di negara ini supaya sekiranya berlaku keadaan sebegini, setiap individu tidak terlalu terkesan kerana sudah mempunyai wang simpanan untuk menampung perbelanjaan keperluan harian.

Peranan individu bagi membendung pandemik COVID-19 dalam aspek membina ketahanan badan dengan pemakanan dan vitamin yang seimbang. Jika dilihat sejarah asal usul pandemik yang bermula dengan peristiwa Black Death pada abad ke-empat belas menyebabkan kematian puluhan juta iaitu sebanyak tiga puluh hingga lima puluh peratus populasi (DeWitte, 2014). Sejarah ini ternyata mampu dijadikan sebagai panduan individu dalam melihat implikasi yang berpunca dari wabak pandemik global. Pengukuhan sistem imunisasi dalam menghindar COVID-19 menyebar dengan mudah kepada penduduk rakyat Malaysia khususnya. Penjarakan sosial dalam jarak satu meter mengelakkan sentuhan kepada orang lain sememangnya diutamakan oleh komuniti bagi mencegah penularan COVID-19. Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyidin bin Yassin menegaskan bahawa penjagaan kesihatan dengan baik seperti makanan yang berkhasiat dan melakukan senaman ringkas dalam rumah perlu dipraktikkan oleh semua rakyat (Mokhtar dan Fuad, 2020).

## **Kesimpulan**

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan sebuah langkah kerajaan dalam memastikan pandemik COVID-19 di Malaysia dapat dikawal sepenuhnya bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan penduduk. Di sebalik pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini telah memberi impak yang tinggi kepada komuniti pulau khususnya di Kampung Pulau Gaya, Pulau Gaya, Kota Kinabalu dari segi kesihatan, ekonomi dan sosial. Komuniti pulau di Malaysia amnya Sabah khasnya merupakan sebuah komuniti yang terpencil, terasing dan mempunyai sumber yang terhad. Disebabkan itu, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan menyebabkan keterbatasan penduduk untuk mendapatkan sumber pendapatan bagi menampung sumber perbelanjaan seisi keluarga. Dalam kajian yang dijalankan terhadap penduduk kampung

Pulau Gaya, Pulau Gaya terdapatnya limitasi kajian iaitu pengkaji menjalankan penyelidikan di bawah prosedur operasi standard (SOP) sepenuhnya bagi mengelak wujudnya jangkitan semasa dalam kajian. Secara rumusnya, hasil kajian ini bermanfaat untuk perancangan dalam pengurusan risiko menangani pandemik COVID-19 di Sabah khususnya dan Malaysia keseluruhannya.

### **Penghargaan**

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Penyelidikan Skim Dana Khas [SDK0139-2020] yang bertajuk “Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Kesan Penularan Pandemik Covid-19 terhadap Kesejahteraan Komuniti Pulau di Negeri Sabah”.

### **Konflik Kepentingan**

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

### **RUJUKAN**

- [1] Ali, E., Rashid, M.A. (2020): Pandemik COVID-19: Mendepani impak psikososial. – Perspektif: Terengganu Strategic & Integrity Institute 14p.
- [2] Baba, A. (2010): Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan Dan Sains Sosial. – Bangi: Penerbitan UKM, Dalam Jurnal Majlis dekan Pendidikan Malaysia 190p.
- [3] Bernama Web Portal (2020): ATM Mula Tugas Bantu PDRM Laksana Perintah Kawalan Pergerakan. – Bernama Web Portal 3p.
- [4] Chin, E.S.M. (2020): With RMCO Extended to Dec 31, Here's a (gentle) Reminder of What You Can and Cannot Do. – MalayMail 14p.
- [5] Chinazzi, M., Davis, J.T., Ajelli, M., Gioannini, C., Litvinova, M., Merler, S., Pastore y Piontti, A., Mu, K., Rossi, L., Sun, K., Viboud, C. (2020): The effect of travel restrictions on the spread of the 2019 novel coronavirus (COVID-19) outbreak. – Science 368(6489): 395-400.
- [6] Chua, Y.P. (2011): Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan. – McGraw-Hill Education 346p.
- [7] DeWitte, S.N. (2014): Mortality risk and survival in the aftermath of the medieval Black Death. – PloS One 9(5): 8p.
- [8] Ibrahim, Y. (2002): Dari samudera ke daratan: Transformasi sektor komuniti nelayan tradisi. – Industrialisasi dan Modenisasi di Malaysia dan Indonesia 12p.
- [9] Jabatan Perdana Menteri (JPM) (2020a): Bantuan Prihatin Nasional (BPN). – Kementerian Kewangan 3p.
- [10] Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) (2020b): Pendapatan dan perbelanjaan isi rumah M40 dan B40 mengikut negeri. – Jabatan Perangkaan Malaysia 2020 4p.
- [11] Kanyo, N.I., Rahman, A.T.A., Mapjabil, J., Hussin, R., Muin, S.A., Kipli, J. (2020): Tinjauan strategi pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) dalam menghadapi pandemik COVID-19 di Malaysia. – Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED) 5(32): 1-13.
- [12] Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (2020): Garis Panduan Umum COVID-19 di Malaysia. – Kementerian Kesihatan Malaysia. Diambil daripada: <https://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/gp-umum-covid19>

- [13] Lim, I. (2020): Here's what The New CMCO Rule Say: No more 10-km Rule; Two-Passenger Rule for Taxis and e-hailing. – MalayMail 11p.
- [14] Lunkapis, G.J., Hussin, R., Atang, C., Ationg, R., Ongui, K. (2020): Potensi Aplikasi Penilaian Impak Sosial Untuk Menilai Dasar Dan Program Kerajaan Semasa Pandemik COVID-19. – Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED) 5(32): 14-25.
- [15] Mahali, S.N.H., Cosmas, G., Seok, C.B. (2019): Apakah yang kita faham mengenai kesejahteraan kanak-kanak? Kajian kes di Pulau Gaya, Sabah. – Sains Humanika 11(1): 9p.
- [16] Mapjabil, J., Kanyo, N.I., Hussin, R., Rahman, B.A., Estim, A., Eranza, D.R.D., Rahim, A.H.A., Jetendra, M.H. (2020): Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan Kesan Penularan Pandemik Covid-19 Terhadap Kesejahteraan Komuniti Pulau: Suatu Tinjauan Literatur. – Journal of Islamic 5(32): 108-120.
- [17] Mapjabil, J., Ibrahim, Y., Tan, W.H. (2014): Pelancongan pulau di Malaysia. – Penerbit UTHM 290p.
- [18] Mokhtar, N.A., Fuad, F. (2020): Kes Jenayah, Kemalangan Maut menurun Ketika PKP. – Berita Harian Online 7p.
- [19] Muzamir, M.Y. (2020): COVID-19: Warga emas, bayi boleh tangguh temujanji. – Web Portal Berita Harian 7p.
- [20] Nurizzati, N. (2021): BPN 2.0 – Cara Check BPN Fasa 2 Bantuan Prihatin Nasional 2021 (Tutorial). – Portal Malaysia 4p.
- [21] Povera A., Chan, D. (2020): COVID-19: CMCO to end, replaced with RMCO until Aug 31. – New Straits Times 5p.
- [22] Talha, D.R (2020): Kajian kes impak perintah kawalan pergerakan kepada penduduk Malaysia. – Jabatan Perangkaan Malaysia 2p.
- [23] Wilder-Smith, A., Freedman, D.O. (2020): Isolation, quarantine, social distancing and community containment: pivotal role for old-style public health measures in the novel coronavirus (2019-nCoV) outbreak. – Journal of Travel Medicine 27(2): 4p.
- [24] World Health Organization (WHO) (2020): Coronavirus. – World Health Organization 12p.
- [25] Zain, R.M. (2020): Polis Selangor Lancar Ops COVID-19. – MyMetro 6p.
- [26] Zulkufli, A.R. (2020): Kami akan pastikan semua penduduk ada makanan. – MyMetro Online 8p.